

# Ireka dapat kontrak bina bangunan pejabat

KUALA LUMPUR 26 Nov. - Syarikat pembangun hartanah, Ireka Corporation Bhd. (Ireka) mendapat kontrak pembinaan dua buah bangunan pejabat setinggi 27 dan 37 tingkat bernilai RM232.75 juta di Lot G, KL Sentral.

Ireka dalam kenyataannya berkata, syarikat telah menerima surat persetujuan (LOI) daripada Transmission Technology Sdn. Bhd. untuk menjalankan projek berkenaan.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Lai Siew Wah berkata, dengan pengesahan tersebut, Ireka kini mencatat jumlah projek bernilai RM1.06 bilion dengan RM460 juta daripadanya masih belum dijalankan.

Menurutnya, kejayaan tersebut akan meningkatkan keyakinan Ireka untuk terus aktif dalam pembidaan projek pembinaan dan berharap memperoleh sebahagian daripada keseluruhan RM1 bilion projek yang dibida dalam tempoh enam bulan.

"Kami optimis untuk berjaya dalam pembidaan projek pembangunan hartanah dan pembinaan tempatan," katanya dalam kenyataan tersebut.

Sebelum ini syarikat berkenaan telah berjaya menyiapkan kondominium mewah SENI di Bukit Kiara, Petaling Jaya dan Kulai Second Link Ekspressway Interchange.

Sementara itu, Ireka turut mencatat peningkatan perolehan sebanyak 20 peratus kepada RM209.74 juta untuk separuh tahun pertama yang berakhir pada 30 September lalu berikutan peningkatan jumlah projek yang siap dalam tempoh tersebut.